

BAB DUA

SEKILAS TENTANG BAHASA ARAB DAN BAHASA MELAYU

2.0 Pendahuluhan

Dalam bab ini akan dibahas tentang BA dan BM. Kedua-dua bahasa tersebut akan diuraikan dari segi pengenalan asal-usulnya, rumpun BA dan BM, penggolongannya, kedudukannya, pengaruh BA terhadap BM dan penulisannya. Ringkasnya, perbahasan ini berhubung rapat dengan sejarah kedua-dua bahasa BA dan BM.

2.1 Bahasa dan Asal Usulnya

Sebelum penulis menghuraikan secara ringkas mengenai bahasa dan asal-usulnya, terlebih dahulu penulis ingin mengemukakan pengertian bahasa dan fungsinya bagi manusia.

Tentang pengertian bahasa, para ahli bahasa tidak ada kesepakatan pendapat. Hal ini tidak menghairankan, kerana bahasa memiliki hubungan yang sangat luas dengan berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan, antaranya dengan ilmu psikologi dan sosiologi. (Lihat, Maḥmūd Ḥijāzīy 1973: 9.) Namun demikian, Ibn Jinnīy, dalam bukunya *al-Khaṣāṣ* (Jld. 1, 1957: 33), cuba mendefinisikan bahasa sebagai berikut:

أَصْوَاتٌ يُعَبِّرُ بِهَا كُلُّ قَوْمٍ عَنْ أَغْرَاضِهِمْ

Maksudnya: Bunyi-bunya yang diungkapkan oleh sesuatu kaum bagi menjelaskan tujuannya .

Maka, fungsi bahasa yang utama bagi manusia adalah sebagai alat komunikasi di antara warganya bagi memenuhi kehendak atau hasratnya. Oleh itu, wajarlah jika bahasa terus berkembang sejajar dengan perkembangan dan kemajuan para penuturnya, seperti yang dikatakan oleh ‘Alīy ‘Abd al-Wāhid Wāfīy, (t.t:257) :

فَكُلُّمَا اتَّسَعَتْ حَضَارَةُ الْأَمَّةِ وَكَثُرَتْ حَاجَاتُهَا وَمَرَافِقُ حَيَاةِ وَرَفِيقِهَا... نَهَضَتْ لُغَاتُهَا وَسَمَّتْ أَسَابِيلُهَا وَتَعَدَّدَتْ فِيهَا فُنُونُ الْفُولِ.

Maksudnya: Apabila tamadun suatu bangsa meluas, maka keperluan, serana kehidupan dan cara berfikir merekapun semakin meningkat, sehingga bahasa mereka juga akan berkembang maju, dan penuturan mereka bercirikan keindahan yang dihiasi dengan seni-seni perkataan.

Di samping teks yang telah dikemukakan di atas, penemuan teknologi dan tamadun manusia turut mengakibatkan bahasa manusia tersebar luas ke seluruh pelosok dunia. Begitu juga istilah-istilah baru yang diperkenalkan untuk menjelaskan ciptaan dan penemuanya. Maḥmūd Fahmīy Ḥijāzīy (1973: 28) mengatakan:

فَهُمْ يُدْخِلُونَ بِصِفَةِ مُطَرَّدَةٍ مُصْنَطَلَحَاتٍ عِلْمِيَّةً جَدِيدَةً لِلتَّعْبِيرِ عَنِ الْمَعَانِي الجَدِيدَةِ أَوِ الْعُلُومِ الْحَدِيثَةِ فَتَسْتَخْدِمُ هَذِهِ الْمُصْنَطَلَحَاتِ عِنْدَ طُلَّابِهِمْ

وَقَرَأُوهُمْ ثُمَّ فِي دَوَائِرِ أَوْسَعَ إِلَى أَنْ تَسْتَقِرَّ فِي الْعُرْفِ الْلُّغُوِيِّ.

Maksudnya: Mereka secara terpaksa menggunakan istilah-istilah penemuan baharu bagi mengungkapkan makna yang dimaksudkan. Istilah-istilah tersebut dituturkan oleh kalangan pelajar dan pembaca-pembaca secara luas, sehingga akhirnya menjadi suatu bahasa yang memiliki makna tertentu.

Selanjutnya, seperti halnya dalam pengertian bahasa, dalam persoalan mengenai asal-usul bahasa pula para linguis berselisih pendapat sejak dahulu hingga kini. Menurut Abdullah Hasan (1983 : 526-536):

Banyak kajian yang telah dilakukan mengenai asal usul bahasa sejak abad ke-lima sebelum Masihi di Yunani kuno. Perdebatan mengenai perkara ini sebenarnya telah memakan masa berabad-abad, dan telah melibatkan para sarjana yang bukan sahaja terdiri dari ahli bahasa bahkan ahli-ahli lain, seperti psikologi, falsafah, arkeologi, sosiologi, sejarah dan sebagainya.

Akan tetapi persoalan ini sampai sekarang masih belum mendapatkan kesepakatan yang dapat diterima oleh para sarjana. Teori baru yang beraneka macam selalu muncul dan makin lama makin banyak. Oleh sebab itu, Imīl Badī‘ Ya‘qūb (1996:14-21) mengatakan bahawa sejak tahun 1866 La Societe Linguistics Francaise enggan menerima kajian yang membicarakan persoalan tentang asal-usul bahasa. Menurut beliau, teori yang dikemukakan berhubung dengan asal-usul bahasa, berkisar pada persoalan-persoalan yang berikut:

1-Teori al-tawqīf (نظريّة التّوقيف)

2- Teori al-iṣṭilāḥ (نظريّة الاصطلاح)

3-Teori Bow Waw (نظريّة محاكاة الأصوات الطبيعية)

4.-Teori Ding.Dong (نظريّة محاكاة الأصوات معانٍها)

5-Teori Pooh Poh (نظريّة الأصوات التعججية العاطفية)

6-Teori Yo-He-Ho (نظريّة الاستجابة الصوريّة للحركات العضلية)

Kemungkinan teori-teori tersebut sebenarnya satu dengan yang lain saling melengkapi, sehingga mungkin proses terjadinya suatu bahasa tertentu mengambil masa yang sangat panjang, mungkin sampai beratus-ratus tahun lamanya. Asal-usul bunyi-bunyi itu mungkin berlaku secara spontan untuk menyatakan perasaan hati (teori seruan), dan proses bunyi itu ada yang dihubungkan dengan benda-benda atau tujuan - tujuan tertentu. Contoh yang jelas, ialah teriakan atau ungkapan untuk menyatakan bahaya, ternyata teman-teman semuanya datang, lambat-laun teriakan tersebut diperkuuhkan untuk menyatakan keadaan tertentu, yang akhirnya mengandungi makna tertentu pula. Ini diperkuatkan oleh ‘Abd al-Wāhid Wāfiyy, dalam bukunya ‘Ilm al-Lughāt, (1945:81-82), mengatakan:

للتَّعْبِيرِ الإِلْسَانِي طُرُقٌ كَثِيرَةٌ يَرْجِعُ أَهْمَهَا إِلَى قِسْمَيْنِ رَئِيْسَيْنِ:

القسمُ الأوَّلُ: التَّعْبِيرُ الطَّبِيعِيُّ عَنِ الْأَنْعَالَاتِ، وَيَشْمَلُ جَمِيعَ الْأَمْوَارِ الْفِطْرِيَّةِ غَيْرَ الْمُقْصُودَةِ الَّتِي تَصْنَحُ بِمُخْلِفِ الْأَنْعَالَاتِ كَالصَّرَحِ وَالضَّحْكِ وَالبَكَاءِ... وَمَا إِلَى ذَلِكَ مِنَ الظَّوَاهِرِ الْفِطْرِيَّةِ الَّتِي تَبْدُو بِشَكْلٍ غَيْرِ إِرَادِيٍّ فِي حَالَاتِ الْفَرَحِ وَالْحُزُنِ وَالْأَلَمِ وَالْحَوْفِ.

القسمُ الثَّانِي: التَّعْبِيرُ الْوَضْعِيُّ الْإِرَادِيُّ وَيَشْمَلُ جَمِيعَ الْوَسَائِلِ الْإِرَادِيَّةِ الَّتِي يَلْجَأُ إِلَيْهَا الإِلْسَانُ لِلتَّعْبِيرِ عَنِ الْمَعَانِي الَّتِي يَوْدُ الْوَقْوفُ غَيْرُهُ عَلَيْهَا.

Maksudnya: Ungkapan manusia mempunyai berbagai-bagai macam, di antaranya yang sangat asas ialah:

Pertama: ungkapan yang sifatnya tabii(naluri), bahagian ini mencakupi ungkapan-ungkapan secara fitrah tanpa disengajakan yang timbul dari berbagai -bagai reaksi seperti: jeritan, ketawa, tangisan, dan lain-lain. Ungkapan tersebut bagi menterjemahkan keadaan tertentu seperti: gembira, sedih, sakit dan ketakutan.

Kedua: suatu ungkapan yang berunsurkan kesengajaan, bagi tujuan menunjukkan makna tertentu yang dimaksudkan.

Seperti yang telah dihuraikan di atas bahawa teori asal usul bahasa itu tidak ada satu pun yang memberikan suatu ketegasan yang boleh diterima oleh semua ahli bahasa. Walaupun demikian, penulis lebih cenderung kepada pendapat yang dikatakan oleh al-Suyūṭī dalam bukunya *al-Mużhīr* (Jld.1,:t.t 28-29)

yang menegaskan bahawa asal-usul bahasa itu adalah kurniaan Allāh (s.w.t) kepada Nabi Adam (a.s). Allāh berfirman:

﴿وَعَلِمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلُّهَا﴾

Maksudnya: ...Dan dia (Allah) mengajarkan Adam semua nama-nama benda (Surah Al-Baqarah: 31).

Ayat tersebut ditafsirkan oleh banyak ulama bahawa Allāh (s.w.t). telah mengajar atau memberi tahu Nabi Adam (a.s) segala nama dan benda-bendaan. Kenyataan ini, seperti yang dikatakan oleh Ibrāhīm Anīs (1991: 16) dengan memetik riwayat Ibn ‘Abbās yang mengatakan:

بِمَا يُرُوَى عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ مِنْ أَنَّهُ كَانَ يُفَسِّرُ الْأَسْمَاءَ "الْأَشْيَاءَ" مِنْ نَبَاتٍ وَحَيْوانٍ وَجَمَادٍ وَهَكُذا يَرَوْنَ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى عَلِمَ آدَمَ اللُّغَةَ الْمَالُوفَةَ لَهَا.

Maksudnya: Ibn ‘Abbās telah meriwayatkan bahawa Allāh telah menjelaskan nama-nama benda, seperti: tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan benda-bendaan, iaitu Allāh (s.w.t) telah mengajar Nabi Adam (a.s) bahasa yang dituturkan pada masa itu.

Pendapat tersebut dikuatkan juga oleh pendapat lain yang terdapat dalam buku *Safar al-Takwīn min al-Isḥālī al-Thānī* (fakrah 19,20):

وَاللَّهُ خَلَقَ مِنَ الطِّينِ جَمِيعَ حَيَّاتِ الْحَقُولِ وَجَمِيعَ طُيُورِ السَّمَاءِ، ثُمَّ عَرَضَهَا عَلَى آدَمَ لِيَرَى كَيْفَ يُسَمِّيهَا وَلِيَخْمِلَ كُلُّ مِنْهَا الْإِسْمُ الَّذِي يَضُعُهُ لَهُ الْإِنْسَانُ، فَوَضَعَ آدَمُ أَسْمَاءً جَمِيعَ الْحَيَّاتِ.

Maksudnya: Allāh (s.w.t) telah menciptakan dari tanah semua haiwan darat dan burung-burung yang ada di langit, kemudian haiwan-haiwan tersebut diberikan kepada Nabi Adam untuk diberi tahu nama-namanya, agar dikenalkan kepada manusia, lalu Nabi Adam memberi nama haiwan-haiwan tersebut.

Berdasarkan kepada pendapat di atas, bahawa Allāh (s.w.t) telah mengajarkan nama-nama benda-bendaan kepada Nabi Adam, sudah tentu, menggunakan bahasa. Menurut hemat penulis yang dimaksudkan *al-asmā'* (الاسماء) yang telah Allah (s.w.t) ajarkan kepada Nabi Adām (a.s) ialah nama-nama benda. Kesimpulan ini lebih diperkuat lagi oleh firman Allāh (s.w.t) yang menyatakan, bahawa asal-usul bahasa itu adalah pemberitahuan Allāh kepada manusia, seperti firmannya:

﴿خَلَقَ الْإِنْسَانَ عَلَمًا الْبَيَانَ﴾

Maksudnya: Dialah (Allāh) telah menciptakan manusia dan mengajarkanya bercakap atau berbahasa (Surah al-Rahmān : 3-4).

Al-Qurtubīy (Jld. 17, 1997: 152) dalam bukunya *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* mentafsirkan kata *al-bayān* (البيان) dalam ayat tersebut dengan *nama semua benda dan bahasa*. Sa'īd Ḥawā (Jld. 12, 1989: 112) mengatakan bahawa “Bukan sahaja Allāh telah mengajarkan manusia nama-nama (bahasa) bahkan mengajarkan semua ilmu yang tidak diketahui oleh manusia”. Allāh berfirman:

﴿أَقْرَا بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلْقٍ، أَقْرَا وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ، الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنِ، عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ﴾

Maksudnya: Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan manusia dari segumpal darah dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak di ketahuinya (Surah al-'Alaq:1-5).

Ayat ini jelas menggambarkan kepentingan ilmu pengetahuan. Allāh (s.w.t) pertama kali menurunkan ayat (wahyu) yang memerintahkan supaya manusia gemar membaca. Kegiatan membaca, sudah tentu, menggunakan bahasa, dan bahasa merupakan alat yang penting untuk berkomunikasi dalam kehidupan manusia. Tanpa bahasa, manusia hidup dalam alam yang sunyi, sekalipun terdapat bahasa isyarat.

2.2 Bahasa Arab

Bahasa Arab (BA) merupakan salah satu bahasa terulung yang dituturkan oleh manusia. Anggapan ini ditegaskan oleh al-Suyūṭī (1986:3), bahwa BA telah dituturkan oleh Nabi Adām (a.s) ketika beliau berada di syurga. Ini merupakan salah satu keistimewaan BA yang tidak dimiliki oleh bahasa-bahasa lain. Di samping itu, bahasa tersebut merupakan bahasa al-Quran al-Karim. Allāh berfirman:

﴿إِنَّا أَنزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa al-Quran dengan bahasa Arab agar kamu memahaminya (Surah Yusuf: 2).

Dan firman Allāh:

﴿وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ﴾

Maksudnya: Dan al-Qur'an ini menggunakan bahasa Arab yang terang (Surah al-Nahl: 103).

Berpandukan naṣ-naṣ di atas, maka layaklah jika bahasa tersebut memiliki kedudukan yang mulia di kalangan masyarakat Islam. Tambahan pula al-Thā'abīy (1954) menyatakan bahawa BA merupakan bahasa yang utama dan mulia, kerana bahasa tersebut memiliki seni dan keindahan yang tidak dimiliki oleh bahasa lain yang dituturkan manusia. Di samping kenyataan di atas, sumber-sumber asal hukum syarak juga menggunakan BA, terutamanya sumber yang asas panduan umat Islam seperti “al-Quran dan al-Hadīth” sebagai sumber segala aspek hidup dan kehidupan manusia. Anwār al-Jundīy (1982: 21) mengatakan: bahawa BA memiliki keistimewaan tersendiri, iaitu telah mampu membawa *risālat Islāmiyat*, sebagai bahasa al-Quran, bahasa yang mengandungi mukjizat Allāh (s.w.t), sehingga kata-kata yang tersurat pada ayat dan maknanya sangat berkesan di hati manusia, terutamanya kepada orang mukmin.

Allāh berfirman:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا نُذِيرُتْ عَلَيْهِمْ

﴿أَيُّهُ رَبُّهُمْ إِقَاءًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila di sebut nama Allāh gemetarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya bertambahlah iman mereka, dan kepada tuhan mereka bertawakal (Surah al-Anfāl: 2.)

2.3 Rumpun Bahasa Arab (BA)

Setiap bahasa memiliki asal-usul rumpun yang tersendiri. BA berasal daripada rumpun bahasa *al-Sāmiyat* (Semetik). Rumpun ini menurut Alīmad Muḥammad Qaddūr (1993 : 23) berasal dari golongan kaum Sām bin Nūh (a.s). Walaupun demikian para linguis BA berselisih pendapat mengenai kawasan asal bahasa

tersebut. Sebahagian mereka mengatakan bahawa ia berasal dari sungai “Furat”, selatan Iraq, kerana mereka hidup bersama kaum *Hām* di Afrika, kemudian mereka berhijrah ke negeri Arab melalui teluk *Bāb al-Mandūb*. Akan tetapi kebanyakannya mengatakan bahawa asal usul kawasan bahasa tersebut ialah Semenanjung Tanah Arab, kerana kaum *Hām* hidup bersama kaum *Sām* di situ, kemudian mereka berhijrah ke Afrika. Oleh itu, Najīb al-Bahbitī (1961) mengatakan *Semua penduduk Yaman yang berhijrah ke Iraq, Mesir dan Sām, mereka mempunyai misi untuk menyebarkan BA, yang kemudiannya mereka dikenali sebagai al-'Arab al-bā'īda al-'Aribat.*

Penulis menyokong pendapat yang mengatakan bahawa asal kawasan bahasa tersebut adalah kawasan Semenanjung Tanah Arab, dari daerah Yaman, kerana kawasan tersebut merupakan kawasan yang cukup tua usianya, dan juga bersejarah. Pendapat ini diperkuatkan oleh Jawād 'Alīy (Jld. 1, 1981: 229) yang mengatakan:

وَالْحَقُّ أَنَّ مُعْظَمَ الْأَرَاءِ يَنْدُهْبُ إِلَى أَنَّ الْمُهْدَدَ الْأُولَى لِلسَّائِمِيَّينَ كَانَ فِي
شِبْهِ الْجَزِيرَةِ الْعَرَبِيَّةِ وَلَا سِيمَا فِي الْيَمَنِ فِي رَأْيِ الْجَمَاعَةِ مِنَ الْبَاحِثِينَ
... وَمِنْهَا اَنْطَلَقَتِ الْمُؤْجَاتُ الْبَشَرِيَّةُ إِلَى سَائرِ الْأَئْمَاءِ.

Maksudnya: Pendapat yang lebih kuat (*benar*) menurut kebanyakannya pengkaji mengatakan: bahawa bahasa *Sāmiyat* pertama kali muncul di semenanjung Arab, terutamanya di negeri Yāmān. Dari kawasan itulah manusia-manusia tersebar luas ke seluruh penjuru.

Pendapat yang mengatakan bahawa BA berasal daripada rumpun *Sāmiyat* (Semetik) dikatakan juga oleh kalangan orientalis Barat. Alasan

mereka ialah kerana bahasa tersebut (BA) lebih dekat dengan bahasa Sām al-Umm (ibu bahasa Semetik), sehingga terdapat ciri-ciri yang sama yang menunjukkan kepada bahasa tersebut, seperti ciri susunan dan bentuk perkataannya.

2.4 Penggolongan Bahasa Arab

Kebanyakan ahli sejarah mengatakan bahawa BA terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1-Bahasa Arab pupus (al-'Arabiyyat al-Bā 'Idat).

Bahasa ini dikenali juga dengan sebutan ““Arabiyat al-Nuqūsy” (bahasa Arab yang diukir di atas batu), kerana bahasa tersebut sampai kepada penuturnya melalui ukiran di atas batu, yang ditemui pada tahun 106 M. Menurut Imīl Bādī‘ Ya'qūb (1986:119) bahawa bahasa tersebut memiliki berbagai-bagai dialek, di antaranya ialah:

a- Dialek al-Thamūdiyyat. Dialek ini dituturkan oleh penduduk Hijāz, Najd, Timur Damascus dan Sinai.


b- Dialek al-Lihyāniyat. Dialek ini dituturkan oleh Kabilah al-Lihyān, di kawasan al-'Alā, utara al-Hijāz di antara tahun 200-400 Masehi.

c- Dialek al-Ṣafawiyyat. Dialek ini dituturkan oleh penduduk yang menghuni kawasan al-Ṣafā, di antara kurun pertama dan kedua Masihi.

2- Bahasa Arab Kekal (al-'Arabiyyat al-Bāqiyat).

Dialek ini dituturkan sampai sekarang, sebagai bahasa al-Quran, Hadīth, syair (verse), sastera, bahasa karya ilmiah, bahasa rasmi dan standard yang

digunakan dalam akhbar, jurnal, dan bahasa tulisan yang digunakan di pejabat-pejabat (Lht. Imīl Badai‘ Ya‘qūb 1986: 120). Untuk lebih jelas lihat rajah di bawah ini



1-Rajah 2.1 Penggolongan BA.

Bahasa Arab memiliki banyak dialek, seperti dialek Tamīm, Qurasy, Rabī‘ah, Muḍar, Ḥudhyl, Qays, dan yang lain-lain. Di antara dialek-dialek tersebut, dialek Qurasylah yang dituturkan di kalangan penutur Arab secara luas di pelbagai majlis dan upacara seperti: dalam syair, sastera, pidato, dan sebagainya. Ibn Fāris (1963:23) dalam bukunya “al-Ṣāḥibīy” mengatakan:

أَجْمَعَ عُلَمَاؤِنَا .. . أَنَّ قُرَيْشًا أَفْصَحُ الْغَرَبِ الْسِنَةَ وَأَصْفَاهُمْ لَعْدَهُ،
 وَذَلِكَ أَنَّ اللَّهَ جَلَّ تَنَاؤَهُ اخْتَارَهُمْ مِنْ جَمِيعِ الْغَرَبِ وَاصْطَفَاهُمْ وَاخْتَارَ
 مِنْهُمْ نَبِيًّا الرَّحْمَةً مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: Ahli-Ahli bahasa Arab telah sepakat bahawa dialek/bahasa Quraysy merupakan dialek yang lebih fasih dan bersih, kerana Allah (s.w.t) telah memilih dan mengutamakan seorang Nabi yang membawa rahmat iaitu Muhamad (s.a.w) dari kalangan mereka (Quraysy) bukan dari kalangan Arab yang lain.

Dialek tersebut dituturkan sejak zaman dahulu hingga sekarang, selain merupakan bahasa wahyu yang mampu membawa misi/risalat untuk kepentingan alam scjagat, juga mampu menjalin suatu hubungan di antara berbagai-bagai bahasa, sama ada melalui perniagaan, import eksport, atau bentuk yang lain. Akibatnya terjadi suatu fenomena yang dikenal sebagai “*asimilasi bahasa*” seperti yang akan dihuraikan nanti.

2.5 Kedudukan Bahasa Arab

Karām al-Sayyid (1989: 40) mengatakan, bahawa BA merupakan bahasa yang penting bagi umat Islam, kerana bahasa tersebut merupakan bahasa wahyu, bahasa al-Quran al-Karīm, yang sangat erat hubungannya dengan umat Islam. Allāh berfirman:

﴿إِنَّهُ لَشَرِيكٌ لِّرَبِّ الْعَالَمِينَ نَزَّلَ بِهِ رُوحٌ أَمِينٌ﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya al-Qu'rān ini sebenar-benar di turunkan oleh Tuhan semesta alam, dia di bawa turun oleh al-Roh al-Amīn (Jibril) (Surah al-Syū'arā':192-193).

Sdatu segi, BA mempunyai peranan yang penting dalam penyebaran kebudayaan dan tamadun sesuatu bangsa. Oleh itu, penyebaran kebudayaan Islam ke seluruh pelosok dunia ini sejajar dengan penyebaran agama Islam. BA menjadi bahasa yang terpenting, bukan hanya di kalangan masyarakat dan negara yang majoriti penduduknya Islam, bahkan bahasa tersebut telah mendapat perhatian yang sungguh-sungguh daripada masyarakat antarabangsa. Menurut Kāram al-Sayid (1989:10) bahawa sejak abad ke 17, negara-negara

Eropah menganggap penting mempelajari BA dan menyebarkannya, sehingga pada tahun 1632 Masihi, negara Switzerland memutuskan bahawa subjek bahasa Arab merupakan salah satu subjek yang harus dipelajari di sekolah dan di universiti. Sejak itulah negara tersebut mula mencetak dan menyebarkannya karya-karya Islam.

Di samping itu, BA telah mendapatkan kehormatan dan penghargaan antarabangsa, sehingga dipilih sebagai salah satu bahasa rasmi di Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) dan agensi-agensinya sejak tahun 1973.

2.6 Pengaruh Bahasa Arab Terhadap Bahasa Melayu

Kāram al-Sayyid (1989:11) mengatakan bahawa “Bahasa Arab mempunyai pengaruh luar biasa terhadap bahasa - bahasa yang dituturkan oleh manusia di dunia. Terbukti kata-kata Arab banyak dipinjam oleh bahasa-bahasa lain, seperti bahasa Inggeris (BI), bahasa Perancis (BP), bahasa Parsi (BP), bahasa Itali (BI), bahasa Jepun (BJ), bahasa Turki (BT), dan lain-lain”.

Khusus dengan BM, hubungan ini dimulakan sejak kemasukan Islam di Tanah Melayu dan Nusantara, iaitu sejak kurun ke-5 Hijrah. Para pedagang Arab, terutamanya dari Yamān (Haḍaramawt) masuk ke Tanah Melayu selain untuk bermiaga juga menyebarkan agama Islam, sehingga bahasa tersebut mempunyai pengaruh yang luar biasa terhadap bahasa Melayu (BM). Jurnal Dewan Bahasa (Julai 1991: 609) menyebutkan: “*Tulisan Arab dibawa masuk ke Alam Melayu bersama-sama kedatangan Islam di Alam Melayu. Hal ini dapat dibuktikan melalui penemuan banyak prasasti tulisan Arab di Alam Melayu. Contohnya*

seperti yang terdapat di Pekan Pahang (419 H), Phan-Rang Vietnam (431 H/1039 M), Brunei Darussalam (440 H/1048 M), dan di Leran Gresik Jawa Timur (475 H/1082 M)."

Pengaruh-pengaruh tersebut bukan sahaja terdapat dalam kepercayaan dan ritual, tetapi dalam berbagai-bagai aspek, antaranya tatabahasa, perbendaharaan kata, abjad. Bukti yang sangat nyata ialah "Sistem Ejaan Jawi" menggunakan dan mengambil semua huruf yang ada dalam huruf hijāiyah (alphabet Arab), yang mempunyai 28 abjad, jika fonem *hamzat* (ء) di ambil kira sebagai huruf alif (أ); jika tidak, maka ia berjumlah 29 huruf. Kāram al-Sayid (1989: 11) dalam bukunya yang telah disebutkan di atas mengatakan: "Bilangan huruf kedua-dua bahasa BA dan BI hampir sama, iaitu 26 (dua puluh enam huruf bilangan huruf BI), sedangkan huruf BA lebih banyak sedikit, iaitu 28 (dua puluh delapan huruf) atau 29 (dua puluh sembilan huruf), apabila mengambil kira fonem hamzah (ء) dan alif (أ) sebagai satu huruf. Menurutnya pengiraan tersebut merupakan pengiraan yang lebih baik, kerana alif (أ) merupakan huruf mati (vokal), sedangkan hamzah (ء) merupakan huruf hidup (konsonan).

Fonem-fonem atau huruf-huruf BA ditulis dari arah kanan ke kiri, kebalikan daripada tulisan Rumi, yang di tulis dari arah kiri ke kanan. Adapun abjad-abjad Arab ialah seperti berikut:

<u>Nama Abjad</u>	<u>Tanda Huruf Grafem</u>	<u>Padanan Rumi</u>
Alif	ا	a
Ba'	ب	b
Ta'	ت	t
Tha'	ٿ	th
Jim	ج	j
Ha'	ح	h
Kha'	خ	kh
Dāl	د	d
Dhal	ڏ	dh
Ra'	ڙ	r
Zāy	ڙ	z
Sīn	س	s
Syīn	ڜ	sh/sy
Şād	ڦ	ş

Dād	ض	d
Tā'	ط	t
Zā'	ظ	z
'Ain	ع	'
Ghīn	غ	gh
Fā'	ف	f
Qāf	ق	q
Kāf	ك	k
Lām	ل	l
Mīm	م	m
Nūn	ن	n
Wāw	و	w
Yā'	ي	y
Hamzat	ء	,

Menurut Asmah (Jurnal Dewan Bahasa Nov 1991: 1004-1005) bahawa huruf-huruf tersebut tidak dapat memenuhi semua keperluan BM, kerana beberapa fonem bahasanya tidak ada lambangnya dalam BA. Oleh itu, BM meminjam huruf-huruf tertentu dari bahasa Parsi, Hindi, seperti huruf ga (گ) BM juga telah merubah bentuk huruf-huruf Arab dengan menambahkan titik, bagi memenuhi keperluan fonem-fonen bahasanya, seperti:

ڦ (c)

ڦ (ng)

ڦ (p)

ڦ (nya)

ڦ (ga)

Asmah (*Ibid*) mengatakan: "Huruf-huruf ini dicipta dengan mengadakan modifikasi terhadap huruf-huruf Arab tertentu yang dianggap melambangkan fonem yang paling dekat dengan fonem BM yang memerlukan lambang itu. Modifikasi ini diadakan dengan cara memberi atau menambahkan diakritik atau titik".

Huruf-huruf tambahan bagi melengkapi fonem-fonem BM yang dipinjam dari bahasa Farsi dan Hindi seperti yang telah disebutkan di atas, tetapi huruf-huruf tersebut sebenarnya berasal daripada huruf-huruf Arab, kerana huruf ca ڦ dari huruf jim (ڙ), huruf nga (ڦ) dari huruf 'ain (ڦ), dan huruf nya (ڦ) dari

huruf nun (ū). Jadi, tulisan Jawi itu berasal daripada 29 abjad Arab dengan beberapa penambahan dan telah dijadikan abjad rasmi bagi penulisan BM. Sejak itulah perkataan-perkataan Arab meresap masuk ke dalam BM. Ia bermula dengan istilah-istilah harian, seperti yang berkaitan dengan agama, *ibadat* dan *mu'amalat*, sehingga kepada istilah-istilah yang lain yang berhubungan dengan sains dan teknologi. Kata-kata yang berasal daripada bahasa Arab diserap tanpa berlaku perubahan bunyi. Asmah (1991:138) mengatakan:

Kata-kata Arab ternyata menjadi sebahagian daripada kehidupan orang- Melayu, tanpa perlu mengubah bunyi-bunyi tertentu, ini pula disebabkan oleh kebiasaan orang-orang Melayu dengan bunyi-bunyi Bahasa Arab. Ketentuan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sangat merespon kedatangan da'i Arab yang membawa Agama Islam ke bumi Nusantara ini.

2.7 Bahasa Melayu

Semenanjung Malaysia dahulu disebut Semenanjung Tanah Melayu, telah dijajah oleh British selama lebih kurang seratus tahun. Raja Mukhtaruddin (1982:1) mengatakan bahawa dalam tempoh itu masyarakatnya yang pada mulanya terdiri daripada orang Melayu, telah menjadi sebuah masyarakat majmuk, kemudian pada sekitar akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 British membawa masuk orang-orang Cina dan India dengan banyaknya. Akibatnya masyarakat Semenanjung Tanah Melayu (STM) telah menjadi sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, kebudayaan dan agama. Bahasa-bahasa itu adalah bahasa Cina, India dan Inggeris di samping bahasa Melayu itu sendiri.

Apabila Semenanjung Tanah Melayu (STM) mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, maka termaktublah didalam perlembagaan Perkara 152, yang menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisa sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlemen. Di samping itu, dinyatakan juga bahawa Kerajaan, baik Kerajaan Persekutuan (KP) mahupun Kerajaan Negeri (KN), berhak memelihara dan meneruskan penggunaan dan penggajian bahasa mana-mana kaum dalam Semenanjung Tanah Melayu. Walau bagaimanapun dinyatakan juga bahawa selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka 1957 Parlemen membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di dalam Majlis Parlemen dan di dalam Negeri, di tiap-tiap Negeri, dan untuk segala maksud rasmi yang lain. Di samping itu bahasa Inggeris, dalam tempoh yang sama, dan seterusnya diperuntukkan oleh Parlemen, akan tetap menjadi bahasa naskhah yang sahingga bagi segala rang undang-undang yang hendak dikemukakan bagi segala Akta Parlemen dan menjadi bahasa pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rendah.

Untuk melaksanakan perkara 152 ini, kerajaan telah merancangkan:

- (a) perkembangan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan
- (b) peluasan penggunaan bahasa Melayu disemua bidang kehidupan penutur-penuturanya.

Untuk (a) Kerajaan telah membina Dewan Bahasa dan Pustaka, sebaik sahaja tercapai taraf pemerintahan dalam negeri, dan untuk (b) Kerajaan telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah, dan menggunakan dalam pentadbiran negara (Lht.Raja Mukhtaruddin 1982:1-2).

2.8 Asal Usul Bahasa Melayu

Dalam kajian ini akan dibincangkan mengenai perkembangan dan kajian terhadap bahasa Melayu secara ringkas. Menurut Abdullah Hassan (1986: 24) yang mengatakan bahawa beberapa orang serjana Eropah seperti Hendrik Kern dan Von Heine-Geldern telah membuat kajian mengenai asal usul bahasa-bahasa di Kepulauan Melayu. Dalam kajiannya didapati ada dua golongan pengembara yang telah sampai ke Kepulauan Melayu. Orang-orang dari Yunan telah mengembara ke daerah-daerah Asia Tenggara sejak 2,500 SM. Mereka inilah yang menjadi penduduk asal Asia Tenggara. Orang yang datang dari Yunan ini dipanggil *Melayu Proto*. Kemudian, kira-kira dalam tahun 1,500 SM, satu puak yang lain pula keluar mengembara ke selatan. Mereka dinamakan *Deutro*. Mereka menduduki daerah-daerah yang subur di pinggir-pinggir pantai Asia Tenggara. Mereka telah menyebabkan orang-orang melayu Proto tadi lari ke gunung-gunung dan ke hutan-hutan rimba di perdalamam. Melayu Proto ini dikenali sebagai orang-orang *Jakun*, *Mah Meri*, *Jahut*, *Temuan*, *Biduanda* dan beberapa kelompok kecil yang lain. Mereka telah berlayar ke pulau-pulau di seluruk Kepulauan Melayu dan membuat kediaman di seluruh Nusantara.

Beliau menambah (*Ibid*) bahawa bangsa Melayu Proto ini mulanya menuturkan satu bahasa yang sama, tetapi lama kelamaan, sebab mereka terpisah oleh lautan dan gunung, maka perhubungan di antara satu dengan yang lain terputus. Akhirnya bahasa tersebut terpecah menjadi bahasa yang berlainan seperti bahasa Jawa, Dayak, Minangkabau, Batak, Visaya dan sebagainya.

2.9 Sejarah Ringkas Bahasa Melayu

Sejarah telah mencatat, bahawa BM telah timbul sejak abad ketujuh Masihi. Bahasa tersebut ditemukan pada ukiran-ukiran batu yang dikenali sebagai BM kuno kemudian berkembang hingga menjadi BM moden seperti yang diuraikan berikut ini:

2.9.1 Melayu Kuno

Sejarah kepulauan Melayu agak kabur. Tidak banyak diketahui tentang masyarakat dan bahasa orang-orang Austroesia yang datang menduduki daerah ini. Bahan-bahan sejarah menceritakan kemunculan beberapa buah kerajaan penting, terutamanya kerajaan-kerajaan Hindu, sejak dari abad pertama tahun Masihi.

Istilah “Melayu” sangat baharu dijumpai daripada kesan-kesan sejarah . Istilah ini timbul buat pertama kali dalam tulisan Cina dalam tahun antara 644 dan 645 Masehi. Tulisan itu menyebut orang *Mo-lo-yeu* yang mengirimkan utusan ke negeri Cina untuk mempersembahkan hasil-hasil bumi kepada raja Cina. Letaknya kerajaan *Mo-lo-yeu* ini tidak dapat dipastikan dengan tegas, ada yang mengatakan di Semenanjung Tanah Melayu, dan ada yang mengatakan di Jambi, Sumatera.(Lht.Nik Safiah 1993: 5)

2.9.2 Bahasa Melayu Pada Batu-Batu Bersurat Abad Ketujuh

Batu-batu bersurat bukanlah satu perkara yang baru dijumpai di daerah kepulauan Melayu. Bekas-bekas tulisan telah dijumpai dan dipercayai bertarikh

tahun 450 Masihi, yang dijumpai di kaki-kaki gunung di Bogor dan di daerah Tanjung Priuk di Jakarta. Batu-batu bersurat yang menggunakan BM yang dipercayai ditulis pada kira-kira akhir abad ketujuh. Terdapat sebanyak empat batu bersurat yang penting, iaitu yang dujumpai di:

- 1- Kedukan Bukit Palembang, (683 M).
- 2- Talang Tuwo, Juga di Palembang, (684 M).
- 3- Kota Kapur, Pulau Bangka, (686 M).
- 4- Karang Brahi, Meringin daerah hulu Jambi, (686 M).

Sebagai contoh, bentuk BM yang dipertuturkan di bawah ini terdapat pada satu batu bersurat abad ketujuh, iaitu batu yang tertua, yang dijumpai di Kedukan Palembang:

Swati Shiri
Shakawarsatita 605 ekadashi
Shuklapaksa *wulan* Waishakha *dapunta*
Hiyang naik disambau mangalap siddhayatra
Di Saptami Shuklapaksa *Wulan*
Jyestha dapunta hiyang marlapas dari minanga Tamvan (Tamvar ?)
Mamawa jang bala dua laksa
Dagandua ratus
Tsyara disambau dangan jalan
Saribu tlu ratus sapuloh
Dua banyaknya. Datang
Di Matajap (Mataya?)
Sukhatshitta.
Di pantshami shuklapaksa Wulan
... laghu mudik datang
marwuat manua ...Syriwijaya
jayasiddhayatra subhiksa.

Perkataan-perkataan yang ditulis dengan huruf condong dalam petikan di atas merupakan perkataan-perkataan Melayu. Yang lainnya ialah perkataan-perkataan daripada bahasa lain, iaitu Sanskrit. Tanda menunjukkan bahagian yang tidak dapat dibaca, dan perkataan-perkataan (nama-nama tempat) yang ditulis dalam kurungan disertai tanda tanya merupakan alternatif bagi nama tempat yang sama. (Lht Ab.Razak Ab. Karim 1994: 4-7).

Abdullah Hassan (1997: 34) menambah kata “ Memang tidak banyak bukti tulisan Melayu kuno yang sampai kepada kita hari ini. Yang ada hanya beberapa prasasti dalam huruf Palawi Selatan di temui di Sumatera. Prasasti yang bertarikh abad ketujuh itu dikatakan mengandungi undang-undang yang digunakan oleh kerajaan Sriwijaya, dan tertulis dalam bahasa Melayu neka Sriwijaya”.

2.9.3 Bahasa Melayu dalam Zaman Kerajaan Sriwijaya

Apabila diperhatikan, tarikh dan isi kandungan batu-batu bersurat yang tersebut di atas dapat dikaitkan dengan zaman kerajaan Sriwijaya. Tarikh 683, 686 yang tercatat pada batu-batu tersebut amat penting kerana ini merupakan tarikh zaman mula naiknya kerajaan Sriwijaya, sebuah kerajaan tempatan yang kemudiannya berkembang luas mempengaruhi hampir seluruh kepulauan Melayu. Keempat-empat batu bersurat itu dijumpai di pusat kerajaan Sriwijaya dan isinya jelas menunjukkan bahawa tulisan itu dibuat atas perintah raja.

Di samping empat batu bersurat yang telah disebutkan di atas, terdapat juga bahan-bahan lain yang dihasilkan dalam zaman kerajaan Sriwijaya yang menjadi bukti kewujudan bahasa Melayu. Sebuah batu bersurat bertarikh 832 Masihi telah dijumpai di Gandasuli, di daerah Jawa Tengah. Sebuah lagi yang bertarikh 1000 Masihi, dijumpai di daerah Bengkulu .Di sekitar Padang Lawas, Tapanuli, dijumpai sebuah patung gangsa dengan tulisan pada kaki alasnya, bertarikh 1029 Masihi. Dan di Padang Roco, daerah Batanghari, dijumpai sebuah patung bertarikh 1286.(Lht.Nik Safiah Karim 1993: 9-10, dan Rahimah Hj. Sabaran (1985: 6-14).

2.9.4 Bahasa Melayu dalam Zaman Melaka dan Selepasnya

Zaman yang penting bagi bahasa Melayu ialah zaman kerajaan Melaka, zaman keagungan kerajaan Melayu. Keagungan kerajaan Melayu Melaka cukup jelas tergambar dalam sejarah Melayu, yang mengharumkan dan meletakkan imej bahasa Melayu ke mercu yang amat tinggi. Zaman ini bermula pada abad ketiga belas, yang merupakan zaman peralihan bagi daerah Asia Tenggara secara keseluruhannya. Pada masa itu agama Islam mula bertapak, serentak dengan kebangkitan kuasa kerajaan Melaka. BM menjadi alat penyebaran agama Islam, satu agama yang tinggi darjah kebudayaannya. Ini dijalankan dengan mudahnya melalui pengaruh politik Melayu pada masa itu. Hasil daripada faktor-faktor ini ialah perkembangan yang berlaku pada bahasa Melayu itu sendiri, iaitu tulisan jawi. Perbendaharaan katanya bertambah dengan pesatnya , iaitu terbit daripada keperluan untuk memperkatakan idea-idea baharu yang dibawa oleh peradaban Islam.

Seperti halnya dengan zaman kerajaan Sriwijaya, batu-batu bersurat bagi zaman ini dijumpai juga yang menunjukkan sifat dan perkembangan bahasa Melayu. Satu daripadanya dijumpai di *Pagar Ruyung, Minangkabau*, bertarikh 1356, ditulis dengan tulisan dari India dan memperlihatkan pengaruh bahasa Sanskrit. Kira-kira 20 tahun kemudian, dalam tahun 1380, terdapat sebuah batu nisan di *Minye Tujuh, Aceh*. Tulisan pada batu nisan ini masih lagi dengan huruf India, tetapi bahasanya telah bertukar corak, iaitu mengandungi beberapa perkataan Arab. Batu bersurat yang ketiga dijumpai di *Sungai Teresat Kuala Berang, Terengganu*. Tarikhnya tidak dapat dipastikan , tetapi dipercayai ditulis

antara tahun 1303-1387 Masihi. Tulisan pada batu bersurat ini ialah huruf jawi, dan bahasanya bahasa Melayu. Contohnya di bawah ini:

*Rasul Allah dengan yang orang ... bagi mereka...
Ada pada Dewata Mulia Raya beri hamba
Meneguhkan agama islam
Dengan benar bicara derma meraksa bagi
Sekalian hamba Dewata Mulia Raya
Dibenuakan ini penentu agama Rasul Allah
Salla' llahu 'laihi wa Sallama Raja
Mendelika yang benar bicara sebelah Dewata
Mulia Raya di dalam behumi.
Penentuan itu fardu pada sekalian Raja Mendelika
Islam menurut setitah dewata Mulia Raya dengan benar
Bicara berbajiki benua penentuan itu maka titah
Seri Paduka
Tuhan mendudukkan tamra ini di benua Terengganu
Adipertama ada
Jumaat di bulan Rejab di tahun sarathan
Di senasekala
Baginda Rasul Allah telah lalu tujuh ratus dua.*

Seperti yang disebutkan di atas, terdapat batu bersurat yang penting yang dihasilkan dalam abad keempat belas, iaitu yang dijumpai di:

1. Pagar Ruyung Minangkabau (1356).
2. Minye Tujuh, Aceh (1380).
3. Kuala Berang, Terengganu (1303-1387).

Ketiga-tiga batu bersurat ini mempunyai kepentinganya tersendiri dari segi pertumbuhan bahasa Melayu. Batu-batu bersurat inilah yang merupakan bukti tulisan batu yang terakhir, kerana selepas abad keempat belas muncullah zaman kesusasteraan Melayu bercetak.(Lht.Rahimah Hj.Sabaran 1995: 15-16).

2.9.5 Bahasa Melayu dalam Zaman Pemerintahan Belanda dan Inggeris

Sebelum Inggeris bertapak di Semenanjung Tanah Melayu dan memegang teraju pemerintahan, BM menjadi satu-satunya bahasa perantaraan bagi penduduk-penduduk negara ini. BM digunakan sebagai bahasa pentadbiran di semua pusat pemerintahan (Istana), dan menjadi bahasa pengantar di institusi pendidikan yang ada pada ketika itu, seperti pusat-pusat Pengajian Islam, kelas-kelas agama dan institusi-institusi yang lainnya. Perhubungan di antara masyarakat menggunakan bahasa Melayu, termasuk di pusat-pusat perniagaan, seperti Melaka, Pulau Pinang, dan Singapura, yang sebahagian besar penduduknya terdiri daripada orang-orang bukan Melayu.

Pada awal abad kelapan belas, Francois Valentijin, dalam karangannya yang mengandungi enam jilid, telah menyenaraikan karya-karya ilmu pengetahuan yang ditulis tentang kepulauan Melayu dan yang wujud pada akhir abad ketujuh belas dan awal abad kelapan belas. Karya Valentijin ini merupakan satu bukti nyata tentang keupayaan BM pada masa itu.

Semasa dalam penjajahan Inggeris di Tanah Melayu khususnya, terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua, BM terus digunakan untuk tujuan urusan rasmi bukan sahaja di kelima-lima buah Negeri Melayu Tidak Bersekutu, tetapi juga BM digunakan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Hanya selepas Perang Dunia Kedua, apabila negeri-negeri Melayu didatangi oleh pegawai-pegawai tadbir Inggeris yang baharu, yang kebanyakannya diambil daripada pegawai-pegawai tentera yang jahil terhadap

bahasa Melayu, maka kedudukan serta peranan BM mula menghadapi suatu keadaan terancam. Pengaruh pentadbiran pegawai-pegawai Inggeris yang baharu ini segera membawa tekanan di seluruh aspek kehidupan rakyat di negeri ini, menerusi nilai-nilai baharu yang diperkenalkan. Makaerosotlah kedudukan BM, sehingga ia hanya menjadi bahasa di sekolah-sekolah yang paling rendah sahaja, dan bahasa perhubungan golongan masyarakat bawahan. Namun demikian, dalam keadaan BM menerima tekanan, kesusastraan Melayu terus dihasilkan, ditulis bukan sahaja oleh golongan cendekiawan berpendidikan Barat, tetapi oleh para cerdik pandai lulusan sistem persekolahan Melayu atau Arab.(Lht. Nik Safiah Karim (1993: 17-18).

2.9.6 Bahasa Melayu dalam Zaman Baharu

Kemerosotan BM tidak berterusan pada awal abad kedua puluh, semangat kebangsaan bergema dan orang-orang Melayu mula mengorak langkah untuk memperjuangkan bahasa ibunda mereka. Wartawan, sasterawan, budayawan, guru-guru Melayu, dan ahli-ahli politik berganding bahu memperjuangkan cita-cita ini. Akhbar dan majalah-majalah merupakan saluran utama untuk melaung-laungkan hasrat ini. Pertubuhan-pertubuhan bahasa dan sastera muncul, masing-masing ghairah menyuarakan semangat baharu, secara langsung dan tidak langsung. Pejuang BM digerakkan serentak dengan politik membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan. Akhirnya, kejayaan tercapai dengan termaktubnya Artikel 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, yang menyebut bahawa “Bahasa Kebangsaan Negara ini adalah Bahasa Melayu”(Lht Nik Safiah Karim 1993: 19).

2.10 Penulisan Bahasa Melayu

Berbagai-bagai bahasa di dunia ini menggunakan berbagai sistem tulisan yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Bahasa Cina menggunakan tulisan yang berbeza dengan bahasa Rusia. Inggeris Arab dan sebagainya, tetapi ia dapat mencapai kejayaan dalam bidang sains dan teknologi, berbeza dengan sistem tulisan Jawi yang dahulunya sebagai sistem tulisan bahasa Melayu. Sebelum abad ke-20 sistem tulisan Jawi digunakan sebagai sistem tulisan standard dalam BM yang diguna pakai oleh penutur dan penulis BM secara meluas. Raja Mukhtaruddin (1982:50-51) mengatakan: *Adalah didapati bahawa tulisan Jawi bahasa Melayu tidak pernah menimbulkan masalah penerimaan kepada pengguna-pengguna bahasa Melayu pada zaman sebelum kedatangan Barat (selepas kedatangan Islam), tulisan Jawilah yang telah digunakan untuk segala bidang kehidupan pengguna bahasa Melayu pada ketika itu. Selepas itu kemudian digantikan dengan sistem tulisan Rumi ASAS 50 yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengajukan sstem tulisan Rumi dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu telah tidak dapat memberikan alasan yang munasabah tentang penukaran daripada Jawi ke Rumi.*

Akhirnya sejak itulah Ejaan rumi rasmi bagi penulisan bahasa Melayu mula-mula disusun oleh R.J. Wilkinson dalam tahun 1904 (semasa penjajahan British) dan dikenali sebagai “Ejaan Wilkinson”. Kemudian Za’aba membuat beberapa perubahan terhadap sistem itu, dan dari situ timbul “Sistem Za’aba”. Sistem Za’aba ini juga dikenali sebagai Ejaan Sekolah, kerana digunakan di sekolah-sekolah. Pada zaman penjajahan Jepun “Ejaan Fajar Asia” digunakan, setelah Kongres bahasa Melayu di Singapura membuat perubahan lagi terhadap

sistem ejaan dan tulisan BM. Hasil perubahan itu telah melahirkan “Ejaan Kongres”, rundingan antara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1967 dalam usaha untuk mencari kata sepakat dalam satu sistem ejaan yang dapat digunakan oleh kedua-dua negara (Indonesia Malaysia), dan telah melahirkan ejaan bersama Malaysia-Indonesia. Masalah kepelbagaiannya ejaan ini akhirnya diselesaikan dengan pengenalan satu sistem ejaan rumi, iaitu “Sistem Ejaan Rumi Bahasa Malaysia” yang dipersetujui oleh Malaysia dan Indonesia pada tahun 1972. (Lht. Abdullah Hassan (1986: 93-94).

Apa yang dikatakan oleh beliau di atas, mungkin kerana sistem tulisan Jawi itu amat bererti, kerana kebanyakan orang di Semenanjung Malaysia ini adalah terdiri daripada mereka yang beragama Islam. Yang demikian itu sepatutnya tulisan Jawi itu rapat sekali kaitannya dengan kepercayaan mereka, kerana al-Quran kitab suci mereka, ditulis dalam tulisan Arab (Jawi) dan harus dibaca dengan tepat dalam sembahyang dan doa mereka, begitu juga sumber-sumber asas Islam yang lainnya, seperti buku-buku hadith, fiqoh...

...

2.11 Rumpun Bahasa Melayu


BM merupakan salah satu daripada rumpun bahasa Austronesia, atau Malayo-Polinesia, termasuk bahasa-bahasa yang lain yang dituturkan di Nusantara, seperti bahasa Aceh, bahasa Batak, bahasa Jawa, bahasa Iban, bahasa Melayu Brunei. Untuk mengkaji rumpun dan keluarga bahasa Melayu, menurut Ab. Razak Ab.Karim (1994:2) ada beberapa istilah penting yang perlu difahami terlebih dahulu.

Istilah-istilah itu ialah:

1. *filum* : bermaksud kelompok bahasa yang berumur 5,000 tahun.
2. *rumpun* : bermaksud kelompok bahasa yang berumur antara 2,500 --5,000 tahun.
3. *keluarga* : bermaksud kelompok bahasa yang berumur kurang daripada 2,500 tahun.

Menurutnya bahasa yang menampakkan penyimpangan yang agak sedikit dari segi pembentukan kata, bunyi dan golongan kata, dikenali sebagai **bahasa sekeluarga**. Sesuatu keluarga bahasa boleh terdiri daripada beberapa bahasa yang menjadi subkeluarga atau subkelompok berdasarkan faktor geografi dan nama bahasa tertentu.

Bahasa Austronesia ialah satu rumpun bahasa yang tergolong dalam satu **filum bahasa Austris**. Di samping rumpun Austronesia, terdapat dua rumpun lain dalam keluarga ini, iaitu **bahasa Austroasia** dan bahasa **Tibet-Cina**. (Lht .Ab.Razak Ab. Karim 1994: 2-3). Pembahagian keluarga bahasa ini ditunjukkan dalam rajah di bawah:



2-Gambar Rajah 2.2 Keluarga BM.

Rumpun Austronesia terdiri daripada empat keluarga, iaitu keluarga Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polenesia. Keluarga-keluarga yang menganggotai rumpun Austronesia adalah berdasarkan persamaan dan kelainan yang terdapat di kalangan keluarga-keluarga bahasa ini. Persamaan dan kelainan ini pula berdasarkan sistem bunyi, pembentukan kata dan pembentukan ayat.

Bahasa-bahasa Austronesia tersebar luas meliputi Kumpulan Lautan Teduh dari Pulau Easter di sebelah timur dan Kepulauan Asia Tenggara sehingga ke Pulau Madagaskar di sebelah barat. Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa subkeluarga dari keluarga Indonesia. Bahasa-bahasa subkeluarga yang lain dari keluarga Indonesia ialah Aceh, Gago, Minangkabau, Labu, Melayu-Ulan, Rejang-Lebong, Lom dan Orang-Orang Laut, Lht.Rahimah Hj. Sabran (1985: 2-3)

Di antara bahasa-bahasa yang banyak ini, bahasa Melayu paling pesat berkembang berbanding dengan bahasa-bahasa lain, disebabkan bahasa Melayu telah menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei serta menjadi bahasa pengantar pendidikan sehingga ke peringkat tinggi.

2.12 Bahasa Melayu Sebagai Lingua Franca

Bahasa Melayu merupakan salah satu daripada 200 bahasa dalam keluarga Indonesia. Bilangan penutur asalnya sederhana, iaitu meliputi penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau dan Sumatera. Asmah (1993: 32-36) menyatakan:

Bahasa Melayu sebagai Bahasa “Lingua Franca” (Bahasa Penghubung), kerana bahasa tersebut mempunyai peran yang penting di gunakan sebagai bahasa perhubungan bagi orang-orang yang mendudukki kepulauan Melayu, dan orang-orang pendatang dari luar seperti Eropah, India dan Cina”.

Menurut Abdullah Hassan (1986:28) pendapat tersebut telah dikuatkan oleh sejarah yang membuktikan bahawa seorang pengembara Cina bernama I-Tsing pada kurun ke-13 telah singgah di Sriwijaya pada tahun 672 Masehi. Dalam perjalanannya itu, beliau mengatakan bahawa bahasa Melayu telah digunakan dengan meluas di Palembang. Menurutnya (*Ibid*) seorang pengembara Portugis bernama Godinho de Erachia juga ada menyebut tentang bahasa yang digunakan sebagai bahasa *Lingua Franca* di Kepulauan Melayu. Francois Valentyn, pula meriwayatkan tentang kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1726 Masehi. Di dalam catatannya, dia telah mengatakan bahawa bahasa

Melayu bukan sahaja digunakan di Melaka, tetapi juga difahami di seluruh Kepulauan Melayu.

Namun peranan bahasa tersebut sebagai bahasa *lingua franca* (bahasa penghubung) masih bertaraf nasional, seperti kebanyakan bahasa negara-negara berkembang lainnya yang dituturkan. Akan tetapi tidak menutup kemungkinan bahawa BM akan menjadi bahasa antarabangsa apabila penutur bahasa tersebut dan penutur bahasa-bahasa negara membangun lainnya menunjukkan kecemerlangannya dalam berbagai-bagai aspek kehidupan yang bertaraf antarabangsa.

2.13 Dialek Bahasa Melayu

BM, seperti juga bahasa-bahasa lainnya, mempunyai berbagai-bagai dialek. Di antara sebab-sebabnya ialah kerana perbezaan-perbezaan tertentu, seperti geografi, politik, ekonomi, dan yang lain-lain. Asmah (1993: 111) mengatakan: “*Faktor-faktor yang menimbulkan dialek terdiri daripada faktor geografik, politik, penjajahan, perdagangan dan lain-lain*”.

Kerana perbezaan-perbezaan tersebut, maka dalam satu negara bahkan satu negeri bahagian atau daerah terdapat banyak dialek. Dialek tanah Melayu terbahagi menjadi dua di kawasan yang paling besar, pertamanya kawasan Indonesia di bawah jajahan Belanda, dan yang keduanya kawasan Malaysia di bawah jajahan Inggeris. BM di Indonesia telah dirasmiikan sebagai bahasa kebangsaan pada tahun 1928, sedangkan di Malaysia telah dirasmikan sebagai bahasa kebangsaan sejak tahun 1957.

Salah satu faktor timbulnya pelbagai dialek di tanah Melayu ialah kerana banyaknya negeri. Masing-masing negeri mempunyai komitmen politik tersendiri, di samping sebab-sebab yang lainnya. Dialek-dialek tersebut seperti dialek Kelantan, Kedah, Terengganu, Johor, Perak. Akan tetapi di antara dialek-dialek itu terdapat dialek standard, yang dikenali sebagai bahasa standard, seperti yang akan diuraikan selepas ini.

2.14 Dialek Bahasa Melayu Standard

Seperti yang telah diungkapkan di atas, bahawa setiap bahasa memiliki banyak dialek, tetapi pada saat yang sama ia memiliki bahasa pernarsatu (bahasa standard). Bahasa standard menurut Asmah (1993:109):

Adalah kelainan bahasa yang digunakan oleh golongan atasan , golongan terpelajar, orang-orang yang berusaha untuk meningkatkan taraf mereka dalam masyarakat, guru-guru sekolah , dan orang-orang yang berpura-pura sebagai orang terpelajar.

Yang dimaksudkan kelainan di sini ialah penyeragaman berbahasa dengan menggunakan satu dialek standard, yang bersifat formal, seperti bahasa Jurnal, bahasa pengantar di perguruan tinggi atau sekolah, bahasa pentadbiran, dan yang lainnya, yang di terima oleh semua golongan dan lapisan masyarakat dan bangsa. Sedangkan bahasa standard menurut Garvin dan Mathit, seperti yang telah dipetik oleh Nik Safiah Karim (1986: 62): “*Ialah Bahasa yang telah mengalami proses pengkodan yang diterima oleh masyarakat, dan menjadi norma kebahasaan bagi seluruh masyarakat itu*”.

Sepertimana yang telah dikatakan di atas, bahawa bahasa Melayu standard (BMS) merupakan satu dialek yang diterima oleh semua lapisan masyarakat. Contoh tertulis BMS, ialah yang digunakan dalam tulisan-tulisan formal, seperti karya-karya ilmiah, makalah-makalah dalam majalah yang bermutu, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Pelita Bahasa, bahasa jurnal dan lain-lain. Oleh yang demikian, BMS merupakan bahasa yang dapat difahami oleh semua masyarakat Melayu, untuk alat berkomunikasi di pelbagai kawasan bangsa. Asmah Haji Omar (1993: 51), dalam bukunya *Perancangan Bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan Bahasa Malaysia*, memetik pendapat Paul Gavrin menyatakan empat fungsi bahasa standard, iaitu:

- Fungsi pemersatu
- Fungsi pemisah
- Fungsi prestij
- Fungsi kerangka rujuk (frame of reference).

Jadi, berdasarkan pendapat di atas, dapatlah ditegaskan bahawa bahasa standard itu memiliki sifat-sifat tertentu yang dapat dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan yang dapat difahami serta dimengerti oleh semua golongan dan lapisan masyarakat.

2.15 Kedudukan Bahasa Melayu di Malaysia.

BM yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Negara ini, menjadi milik semua rakyat Malaysia. Asmah: (1978: 85) mengatakan: "Memandang kepada kedudukan bahasa Melayu sekarang sebagai bahasa kebangsaan dan

bahasa rasmi negara Malaysia, maka dengan itu ia menjadi milik semua rakyat Malaysia, dan jumlah pemakai bahasa Melayu sekarang ini dapatlah disamakan dengan jumlah penduduk Malaysia". Dari segi jumlah penutur bahasa di dunia didapati bahawa penutur bahasa Melayu menduduki peringkat kedua setelah bahasa Arab, dan peringkat kesembilan di antara penutur bahasa-bahasa di dunia. (Lht.Hajji Mohammad Seman (2000: 11-12.)

Memandangkan jumlah penutur BM tersebut di atas, maka kedudukan bahasa tersebut pada masa depan amatlah cerah. Lebih-lebih lagi, kedudukannya sebagai bahasa utama Negara Malaysia telah terjamin, dari segi penggunaan yang luas dan perakuan oleh rakyat Malaysia. Menurut Rahimah Hj Sabran (1986:29) mengatakan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan sejak tahun 1956, dan satu bahagian khas telah ditubuhkan di badan tersebut yang tugas utamanya melaksanakan pembentukan istilah-istilah baharu. Jawatankuasa-jawatankuasa istilah dibentuk, dan hingga kini lebih 600 ribu istilah teknikal telah dicipta, meliputi berbagai-bagai bidang ilmu dan disiplin. Bahasa Melayu hari ini dapat memperkatakan semua bidang, daripada kejuruteraan, kedoktoran, dan sains angkasa lepas hingga kepada sains rumah tangga, kehakiman, dan seni halus.

2.16 Asimilasi Bahasa Melayu

BM, seperti mana bahasa-bahasa lainnya yang dituturkan, mengalami suatu asimilasi bahasa; hanya bezanya kata-kata asing yang terdapat dalam BM kebanyakannya daripada bahasa Arab, Inggeris, Cina, Tamil, Sanskrit, Farsi.

Asmah (1993: 56) mengatakan :

... Maka didapati lebih banyak kata pinjaman dari pada bahasa Arab di bandingkan dengan kata pinjaman daripada bahasa Cina. Ini disebabkan adanya faktor Agama Islam dan kebudayaan Islam. Jika di bandingkan pula kata pinjaman dari bahasa Arab dengan kata pinjaman dari pada bahasa Inggeris, maka didapati bahawa sumber Arab lebih banyak menyumbangkan kata-kata keagamaan, falsafah dan sebagainya, sedangkan sumber Inggeris lebih banyak menyumbangkan kata-kata sains dan teknologi.

Seperti yang telah dihuraikan sebelumnya, bahawa setiap bahasa berhubungan dengan bahasa yang lain. Akibatnya, berlaku pinjam meminjam atau serap menyerap. Dalam penyerapan bukan hanya berlaku pada perkataan sahaja, bahkan juga berlaku penyerapan dari segi nahu. Abdullah Hassan (1989: 149) mengatakan:

Dalam proses pembentukan istilah dalam Bahasa Melayu hari ini berlaku satu penyerapan istilah asing yang begitu banyak secara mendadak, sehingga banyak unsur nahanan bahasa asing yang terbawa masuk bersama-sama istilah yang dipinjam".

2.17 Penutup

Dalam penutupan ini penulis menyimpulkan bahawa para linguis berselisi dalam mendefinisikan bahasa dan asal-usulnya, tetapi menurut penulis bahawa asal-usul bahasa ialah kurnia Allāh (swt) yang telah diberikan kepada Nabi Adam (as) (Lht. Surah *Al-Rahmān* 3-4) dan (*Al-Baqarah*:31). Dalam kajian ini, penulis juga menjelaskan BA dan kedudukannya di tengah-tengah masyarakat muslim, rumpun BA, penggolongan BA dan pengaruhnya terhadap perkataan BM. Dalam BM juga penulis menjelaskan asal-usulnya , sejarahnya secara

ringkas, perjalanan BM sejak Melayu kuno sehingga BM pada zaman baharu, rumpun, penulisan, dialek, BM setandard dan kedudukan BM di kalangan Melayu di Nusantara.